

Jaafar bersara hujung bulan, Hj Ali MB baru

Oleh AHMAD PUAD ONAH

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan akan meletakkan jawatannya dengan rasmi penghujung bulan ini apabila cuti beliau berakhir pada 30 Oktober.

Difahamkan, sebelum itu Datuk Haji Jaafar akan mengadap Raja Perlis menyebarkan keputusan perletakan jawatannya.

Bakal penggantinya, Haji Ali Ahmad, yang kini memangku jawatan Menteri Besar sejak Januari lalu, juga akan mengadap Raja Perlis untuk menerima surat perlantikan beliau sebagai Menteri Besar Perlis yang ketiga.

Datuk Haji Jaafar menyerahkan surat perletakan jawatannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini Selasa lalu.

Beliau juga meletakkan jawatan sebagai Ketua Perhubungan UMNO Perlis dan Ketua UMNO Bahagian Kangar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang menerima perletakan jawatan Datuk Haji Jaafar itu, meminta beliau terus menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bintong.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO, juga bersetuju menerima Haji Ali sebagai Menteri Besar yang baru dan nama beliau akan

dipersembahkan kepada Raja Perlis.

Datuk Haji Jaafar, yang mula menjadi Menteri Besar Perlis sejak 10 tahun lalu, kini sedang berehat di Hospital Besar di sini.

Beliau dimasukkan ke hospital kelmarin untuk menjalani pemeriksaan dan mendapatkan rawatan.

Februari lalu, Datuk Haji Jaafar menjalani pembedahan saluran darah ke jantungnya di London.

Sementara itu, para pemimpin UMNO Perlis mengalu-alukan keputusan jujur Datuk Haji Jaafar meletakkan jawatan atas sebab-sebab kesihatan.

Tegas mereka, keputusan itu jelas membuktikan Datuk Haji Jaafar mengutamakan kepentingan rakyat dan negeri Perlis daripada dirinya sendiri.

Mereka juga menyambut baik perlantikan Haji

Ali sebagai Menteri Besar yang baru.

Menurut mereka, perlantikan Haji Ali, seorang ahli EXCO kanan, adalah wajar memandangkan pengalamannya yang luas di bidang politik, dan berikrar memberi sepenuh kerjasama kepadanya.

Haji Ali, yang ditemui di sini kerana menghadiri Persidangan Raja-Raja Melayu berkata, beliau sedia menerima jawatan tersebut.

"Jika perlantikan saya sebagai Menteri Besar yang baru sudah mendapat restu Perdana Menteri, saya sedia berkorban untuk kepentingan rakyat dan kemajuan pembangunan negeri Perlis," katanya.

Bagaimanapun, Haji Ali enggan mengulas lebih lanjut kerana beliau masih belum menerima surat perlantikan secara rasmi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia